
BIL. 17 FEB 2019

UMP cakna terhadap kebajikan pelajar dan ko

Sentiasa cakna terhadap menangani masalah dan isu pelajar berlapar, Pusat Islam dan Pembangunan MyGift Universiti Malaysia Pahang (UMP) melaksanakan Program *Food for All* dalam membantu pemberian hari percuma untuk mahasiswa UMP yang memerlukan dan tidak berkemampuan pada setiap hari di kedua-dua kampus.

Bukan itu sahaja, lebih menarik UMP juga menyediakan juadah makan malam pada setiap hari Khamis sebagai bentuk peringatan bagi para pelajar yang menunaikan ibadah puasa sunat.

Sebagai menyokong usaha universiti terhadap kebajikan pelajar, pelbagai inisiatif dijalankan di peringkat kampus. Mahasiswa pelajar juga boleh mendapatkan makanan percuma di fakulti dan jabatan lain sekitar kampus.

Projek ini juga sebagai menyokong program *MyGift* UMP yang giat dijalankan UMP khususnya dalam membantu pelajar.

Malah, Program Kongsi Rezeki turut dijalankan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) dengan menyediakan pek makanan untuk diagihkan kepada para pelajar UMP di kedua-dua kampus UMP di Gambang dan Galeri. Para pelajar yang mempunyai masalah kewangan yang kritikal dan layak untuk menerima manfaat ini.

Begitu juga Inisiatif Sarapan Percuma daripada Perwakilan Kolej Kediaman (PEKA) dalam membantu kewangan pada waktu tertentu.

Manakala Projek Gerobok Rezeki #BPACare juga menyasarkan mahasiswa UMP yang kurang berkecukupan ditempatkan di Pejabat BPA Gambang dan Pekan bagi membolehkan mahasiswa mengambil apa sahaja secara percuma.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin profesional untuk pembangunan negara.

"Oleh itu, pelajar di universiti perlu menumpukan pengajian dengan selesa dan bersesuaian. Hakikatnya dalam meneruskan pengajian sama ada menghadapi masalah akademik atau kurang perbelanjaan.

"Bagi pelajar yang kurang berkemampuan sememangnya universiti bertanggungjawab bagi memastikan Tanggungjawab sosial ini dalam menghadapi tekanan hidup, ia bukan lagi satu opsyen tetapi tindakan yang diterima dalam pelbagai dimensi dan keupayaan universiti.

"Universiti memberi bantuan dalam bentuk zakat, biasiswa, bantuan khas memulakan pengajian, kongsi kesihatan," ujar beliau.

Jelas beliau lagi, di samping itu juga pelajar turut digalakkan bermula dengan ruang perniagaan dan kota-kota.

"Juga bagi yang kurang berkemampuan peluang bekerja sambil belajar diwujudkan bagi memberi perbelanjaan tanpa mengorbankan akademik mereka.

"Dalam pada itu, keutamaan belajar merupakan yang amat penting, justeru mereka perlu tahu membawa universiti perlu diperoleh bagi mengawasi prestasi akademik mereka. Selain dari memberi peluang perbelanjaan, pendedahan perniagaan agar urusan mereka tidak mengganggu sesi pembelajaran mereka.

"Sementara itu, penyelaras inisiatif *Food for All*, Siti Nazira Hazudin dari PIMPIN berkata, pihaknya menyediakan biskut, roti, keropok, buah-buahan dan air minuman di masjid hasil sumbangan orang ramai serta pihak ketiga berbentuk makanan atau tunai untuk dimanfaatkan pelajar," katanya ditemui baru-baru ini semasa mengadakan khas untuk pelajar baharu yang mendaftar masuk ke UMP.

UMP mengalui-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk warga UMP, pelajar, alumni dan individu dalam mahu pun luar negara dalam menyokong pembudayaan menderma demi memakmurkan ilmu pendidikan.

Orang ramai boleh turut sama menyumbang melalui perbankan *Internet* dengan melayari portal *MyGift* untuk mendapat maklumat lanjut mengenai program ini.

FAKTA ENDOWMEN BIASISWA PELAJAR

Penajaan Biasiswa Kepada Pelajar Miskin Cemerlang

UMP akan menawarkan biasiswa kepada pelajar miskin yang cemerlang bagi membantu mereka dalam perjalanan mereka ke arah kejayaan akademik yang lebih tinggi. Penajaan ini meliputi yuran pendidikan, asrama dan sara diri mengikut program sepanjang penempahan.

Pemberian Insentif Pendidikan

Pemberian Insentif sebanyak RM1,000 kepada bakal mahasiswa yang mengalami masalah kewangan. Insentif ini bertujuan untuk membantu mereka dalam pembayaran yuran atau sara diri untuk pembelajaran di UMP.

Jenis Endowmen/Tabung *MyGift* UMP

1. Endowmen Kursi
 2. Endowmen Biasiswa Pelajar
 3. Endowmen Makmal/Kemudahan
 4. Tabung Ramadan
 5. Tabung Masjid
 6. Tabung Bencana
 7. Tabung Wakaf
 8. Tabung Komuniti
 9. Tabung Sumbangan Prasarana
-

Baja kompos dari sisa kilang kelapa sawit untuk

Umum telah mengetahui tanaman kelapa sawit merupakan tanaman pertanian terbesar di negara ini.

Justeru, penggunaan kelapa sawit untuk menghasilkan minyak secara besar-besaran pasti meninggalkan sisa.

Malah, hanya 10 peratus sahaja minyak dapat dihasilkan, manakala 90 peratus lagi merupakan sisa pertambahan.

Sesetengah sisa tersebut dijadikan makanan haiwan siap diproses namun selebihnya akan dibuang begitu sahaja.

Menyedari situasi tersebut, memberikan cetusan idea kepada penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk menjalankan kajian mengenai penghasilan baja organik daripada sisa kilang kelapa sawit.

Menurut Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) ini, menerusi penyelidikan ini juga mereka mendapati bahawa sisa kilang kelapa sawit yang dibuang begitu sahaja banyak terdapat dalam alam sekitar dan pengurusan sisa kilang banyak terdapat di kilang-kilang kelapa sawit di sekitar UMP dan sekitar.

"Kompos yang terhasil adalah 100 peratus organik. Ia dihasilkan melalui Kaedah Pengomposan iaitu proses penguraian organik kepada bahan akhir yang stabil serta boleh digunakan semula untuk tanaman."

"Aktiviti penguraian atau pengoksidaan bahan ini dipengaruhi unsur mikro organisma pengudaraan, kelembapan dan suhu yang bersesuaian," katanya.

"Selain itu, kompos yang terhasil memiliki keperluan asas nutrien yang diperlukan oleh tumbuhan, dan ia juga mempunyai kadar pH yang tinggi," katanya.

Tambahnya lagi produk ini turut menerima geran daripada *Lab2Market Grant* UMP bagi tujuan menghasilkan produk komersial.

"Kami telah memasarkan baja ini dalam dua jenis saiz iaitu yang bungkusan berat 1 kilogram (RM10) dan 5 kilogram (RM50)," katanya yang pernah membawa produk ini mengikuti Pameran MAHA 2016.

"Kita dapat lihat kesedaran masyarakat Malaysia terhadap produk-produk organik terutamanya sumber sisa hasil panen yang masih boleh dimanfaatkan dengan negara lain seperti di United Kingdom, Amerika Syarikat dan Singapura."

"Di sana, sayur-sayuran dan buah-buahan organik dijual dengan harga sehingga tiga kali ganda lebih mahal berbanding dengan harga buah-buahan yang ditanam yang tidak organik," tambahnya lagi.

Jelas beliau lagi, penghasilan produk-produk berasaskan organik ini dapat memberikan pendedahan daripada sayur-sayuran dan buah-buahan yang organik melalui penggunaan baja organik.

“Walaupun terdapat banyak produk kompos di pasaran tetapi tidak semuanya tulen. Ini kerana ada pemakaian sumber yang bukan organik ke dalam baja kompos mereka,” katanya.

Beliau berharap ia dapat mendidik masyarakat tentang penggunaan bahan-bahan berasaskan organik untuk menggalakkan masyarakat menanam sendiri sayuran-sayuran yang lebih sihat dan jimat serta meningkatkan

-
- 100 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

